

KUALA LANGAT, SEPANG

HURUHAN SKUDU KUALA LANGAT / SEPANG: HURUH, FIRDAUS KHAIRI • 019-6880920 / 019 6880278

Hormati tuntutan Hindraf 2.0

**Namun tegaskan
UiTM, Felda
tertakluk bawah
perlembagaan**

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

P emuda Umno Kuala Langat menghortati tuntutan Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu (Hindraf 2.0) bagi mendapatkan hak mereka untuk masuk Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan juga tanah Felda.

Ketuaanya,



Mohd Jefrizal Jasfar berkata, secara peribadi beliau menghormati kehendak itu.

Malah katanya, jika tuntutan ini adalah sebahagian daripada janji Pakatan Harapan (Harapan) sewaktu kemenangan pilihan raya tempoh hari, adalah wajar Hindraf 2.0 membuat tuntutan itu.

"Namun desakan

ber-

Hindraf ini (sama sekali) ber-



Jefrizal ketika memberi ucapan dalam Mosyuarat Umno Cawangan Sijangkang Barat, semalam.

beza dengan menghentikan operasi beberapa agensi atau jabatan kerajaan seperti Jasa, BTN, SPAD dan sebagainya kerana UiTM punyal aktu dan perundungan tersendiri dan punyal tempat kedudukan

an dalam perlembagaan negara.

"Perkara mengenai itu (UiTM) perlu dibawa oleh barisan Ahli Parlimen Harapan untuk dibentangkan, dibahas dan diundi,"

katanya kepada pemberita

ketika hadir ke Mesyuarat Umno Cawangan Sijangkang Barat, semalam.

Tambah Jefrizal, UiTM dan Felda adalah agenda Umno sewaktu memerintah

info

Jika tuntutan ini adalah sebahagian daripada janji Pakatan Harapan (Harapan) sewaktu kemenangan pilihan raya tempoh hari, adalah wajar Hindraf 2.0 membuat tuntutan itu.

dahulu, justeru beliau percaya jika perkara ini dibawa ke dalam Dewan Rakyat, parti itu akan terus mempertahankannya.

Sehubungnya itu, beliau berharap isu ini dapat diberi perhatian sewajarnya bagi mengelakkan kekeliruan.



**Interaksi
dengan al-Quran**
BACA · FAHAM · AMAL



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbin dan Shah Al-Maghfur-Lah berkenan bersangkutan sebagai tanda sokongan Baginda kepada Program Interaksi bersama Al-Quran: BACA, FAHAM, AMAL.

7JUN 2018
22 RAMADAN 1439H

Pelaksanaan Seluruh Dunia - Malaysia - Uthman & Moderate Lokaku Pemimpin - Hazahil Binti Haj Ahmadah Matil Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
10.30 pagi - 1.00 petang
Dataran Lantang Masjid Jamek Kuala Lumpur

10.30 pagi - 1.00 petang
Dataran Lantang Masjid Jamek Kuala Lumpur

Trending World #QuranHour
Masuk nombor pertama Instagram, Twitter dan Facebook

UMMAH KHLAS



Sahur, bola eratkan belia Kuala Langat



Sebahagian pemiat bola sepak dalam kalangan belia di daerah Kuala Langat.

KUALA LANGAT - Program sahur dan bola yang dianjurkan oleh Angkatan Muda Keadilan (AMK) Kuala Langat dan Pejabat Parlimentari Kuala Langat yang diadakan baru-baru ini dianggap sebagai satu platform mendekah masyarakat awam terutama belia ke arah aktiviti sihat dan berfaedah.

Ahli Majlis, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 17, Mohd Afiq Tuniman berkata, sudah uba masaunya inisiatif menggerakkan golongan muda melalui program-program kemajuan belia diwujudkan bagi membantu mereka mengenal eri perpaduan.

"Melalui program-program seperti ini, barisan kepimpinan setempat berpeluang mendengar isu, suara dan usul dari para belia untuk kemajuan dan penambahbaikan belia Kuala Langat.

"Kami juga berharap memperbanyakkan

lagi program-program untuk belia seperti ini dari semasa ke semasa," katanya.

Diharapkan program yang berakhir jam 4.30 pagi itu mendapat sambutan kira-kira 500 penduduk.

Tayangan Big Screen Final UEFA Champion League yang mempamerkan aksi Real Madrid menentang Liverpool itu antara tumpuan pemiat selain pengajur turut mengidakan pelbagai acara menarik seperti futsal Ramadhan, cabutan bertuah bola dan teka-teki.

Selain itu, penduduk yang hadir juga disediakan juadah sahur percuma.

Katanya, program anjuran bersama Ahli Majlis MPP Zon 17, Penggerak Belia Tempatan Zon 1,8,17 dan 20 dan bersama rakan media sosial mykuale langat itu antara aktiviti belia yang mendapat sambutan di peringkat daerah.